

PENGESAHAN PEMERIKSAAN TESIS

KAMI, AHLI-AHLI JEMAAH PEMERIKSAAN TESIS YANG DILANTIK OLEH SENAT UNTUK MEMERIKSA TESIS YANG BERTAJUK "ALIM ULAMA DI NEGERI KEDAH: PERANAH DUA ORANG TOKOH DALAM PERKEMBANGAN PERSURATAN JAWI" YANG DISERAHKAN OLEH ENCIK MUSTAFA BIN MOHD. ISA BAGI MEMENUHI KEPERLUAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH DENGAN INI MENGESAHKAN BAHAWA:-

(i) KAMI TELAH BERMESYUARAT PADA HARI SELASA, 25 JUN 1991 DAN MENJALANKAN PEMERIKSAAN LISAN TERHADAP CALON TERSEBUT, ENCIK MUSTAFA BIN MOHD. ISA SEPERTI DIPERUNTUKKAN DI DALAM BAHAGIAN (A) FASAL 8(3) SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN RANCANGAN IJAZAH TINGGI:-

"Seseorang calon adalah dikehendaki mengambil Pepariksaan Lisan melainkan dikecualikan oleh Senat"

(ii) KAMI MEMBUAT PERAKUAN INDIVIDU SEPERTI BERIKUT:-

JEMAAH PEMERIKSAAN TESIS

CALON DILULUSKAN TANPA SEBARANG SYARAT

CALON DILULUSKAN TERTAKLUK KEPADA CALON MEMBUAT PERUBAHAN/PEMBETULAN KECIL/TEKNIKAL SEPERTI YANG DIHURAIKAN DI DALAM LAPORAN MESYUARAT JEMAAH INI


1. Y. BHG. DATUK PROFESOR ISHAK  
TAMBI KECHIK  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(HAL EHWAL AKADEMIK)  
PENGERUSI


2. PROFESOR VINCENT LOWE  
DEKAN PENGAJIAN SISWAZAH


3. PROF. (PUAN) MAHINDAR SANTOKH SINGH  
DEKAN  
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

4. PROF. MADYA DR. ISMAIL HAMID  
Pemeriksa Luar

5. PROF. MADYA HJ. KHALID MOHD. TAIB  
Pemeriksa Dalam/Penyelia Utama








SAYA, RUZIAH MD. SHARIFF SELAKU PEMANGKU SETIAUSAHA KEPADA JEMAAH PEMERIKSAAN TESIS TERSEBUT, DENGAN INI MENGESAHKAN BAHAWA JEMAAH INI TELAH MEMPERTIMBANGKAN PERAKUAN-PERAKUAN DARIPADA PEMERIKSA-PEREMIKSA LUAR DAN JUGA PERAKUAN-PERAKUAN INDIVIDU AHLI-AHLINYA BERSETUJU UNTUK MEMBUAT PERAKUAN SEPERTI TERSEBUT DI ATAS.

TARIKH: 25/6/91

  
(PEMANGKU SETIAUSAHA)

**ALIM ULAMA DI NEGERI KEDAH:  
PERANAN DUA ORANG TOKOH  
DALAM PERKEMBANGAN  
PERSURATAN JAWI**

Oleh

SI 1774

**HAJI MUSTAFA MOHD. ISA**

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan bagi ijazah Doktor Falsafah

Jun 1990

**KANDUNGAN**

	<b>Halaman</b>
Penghargaan	ii
Jadual Kandungan	iv
Senarai Jadual	xii
Senarai Kependekan	xiii
Abstrak	xiv
Abstract	xvii
Sistem Ejaan	xx
<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
<b>A. Matlamat Kajian</b>	<b>1</b>
(i) Konsep Alim Ulama Dari Sudut Etimologi	3
(ii) Kedudukan Persuratan Jawi Dalam Kesusasteraan Melayu	14
(iii) Kitab Jawi	18
(iv) Ciri-ciri Sastera Yang Terdapat Dalam Kitab Jawi	24
(v) Kepentingan Kitab Jawi Sebagai Satu Genre Kesusasteraan Melayu	37
<b>B. Objektif Kajian</b>	<b>40</b>
<b>C. Kaedah Pengkajian</b>	<b>42</b>
<b>D. Skop dan Sumbangan Kajian</b>	<b>44</b>
<b>NOTA</b>	<b>48</b>

## PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kedua-dua orang penyelia yang telah memberi nasihat dan bimbingan dalam menjalankan kajian dan penulisan tesis ini. Kedua-dua orang penyelia telah memberikan bimbingan dengan sikap yang sabar dan penuh dengan semangat persahabatan yang akan kekal dalam ingatan buat selama-lamanya.

Kepada Prof. Madya Dr. Haji Mohd. Khalid Taib (Pusat Pengajian Luar Kampus) selaku penyelia utama, pengkaji tujukan setinggi-tinggi ucapan terima kasih di atas berbagai nasihat dari peringkat terawal kajian dan komen-komen yang membina kearah pembedaan gaya bahasa dan persembahan tesis secara keseluruhannya. Kepada Prof. Madya Dr. Haris Md. Jadi (Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan) selaku penyelia kedua, penulis juga mengucapkan jutaan terima kasih di atas nasihat yang diberikan, terutama teguran-teguran membina dalam gaya persembahan tesis dan penulisan yang berkaitan dengan sejarah negeri Kedah dan institusi-institusi pendidikan tradisional seperti pondok dan madrasah.

Kepada Pengarah Pusat Pengajian Luar Kampus (Prof. Madya Dr. Karsono Ahmad Dasuki) pengkaji mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana telah memberi kebenaran kepada pengkaji untuk mengikuti pengajian ijazah lanjutan ini secara sambilan.

Pengkaji juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka yang berikut: 9 orang informan (senarai nama-nama mereka dalam Lampiran, bahagian E) kerana telah sudi memberi kerjasama sebagai informan-informan kajian ini. Selain daripada mereka ucapan terima kasih ditujukan juga kepada Tuan Haji Wan Shamsuddin Mohd. Yusuf yang telah memberikan beberapa naskah kitab Jawi karangan Pak Wan Sulaiman; Puan Hajah Nabehah bte Haji Muhammad, Penyelia Muzium Negeri Kedah yang memberi kerjasama semasa pengkaji membuat kajian di Muzium tersebut dan teman-teman pensyarah di Pusat Pengajian Luar Kampus terutamanya Ustaz Ali Md. Isa yang banyak membantu pengkaji berhubung dengan bahasa Arab dan sistem pengajian agama Islam.

Tidak lupa juga pengkaji merakamkan ucapan terima kasih kepada Puan Jamilah Jamaluddin, Puan Che Rahmah bte Ahmad dan Puan Mazlina Othman yang sanggup membantu di luar waktu pejabat dalam kerja penaipan tesis ini.

Akhir kata, sebarang kelemahan yang mungkin masih terdapat dalam tesis ini adalah menjadi tanggungjawab pengkaji sendiri.

Haji Mustafa Mohd. Isa

1 Februari 1990/5 Rejab 1410

BAB I	KEDUDUKAN NEGERI KEDAH DARI TAHUN 1850 HINGGA TAHUN 1930AN	55
	Pengenalan	56
	A. Kedudukan Dari Segi Politik	56
	B. Kedudukan Ekonomi dan Sosial	61
	(i) Perkembangan Penduduk	67
	(ii) Masaalah Sosial	70
	(iii) Kemajuan Agama Islam	77
	(iv) Perkembangan Di Bidang Pendidikan	80
	Kesimpulan	86
	NOTA BAB I	91
BAB II	TUAN HUSSAIN KEDAH (1282H/1863M - 1354H/1935M)	94
	Pengenalan	94
	A. Riwayat Hidup Tuan Hussain	98
	B. Pendidikan Tuan Hussain	98
	C. Keturunan Tuan Hussain	111
	D. Cerita-cerita Legenda Mengenai Tuan Hussain	112
	Kesimpulan	115
	NOTA BAB II	117
BAB III	PAK WAN SULAIMAN KEDAH (1291H/1873M - 1354H/1935M)	125
	Pengenalan	125
	A. Riwayat Hidup Pak Wan Sulaiman	127

B.	Pendidikan Pak Wan Sulaiman	142
	(i) Pengajian di Makkah	146
	(ii) Pulang ke Tanah Air	155
C.	Cerita-cerita Legenda Mengenai Pak Wan Sulaiman	156
	Kesimpulan	160
	NOTA BAB III	162
BAB IV	KITAB-KITAB JAWI KARANGAN TUAN HUSSAIN KEDAH	168
	Pengenalan	158
A.	Faktor-faktor Tuan Hussain Menjadi Pengarang	168
B.	Kitab-Kitab Karangan Tuan Hussain	174
C.	Ciri-ciri Kitab Karangan Tuan Hussain	187
D.	Tema dan Persoalan Dalam Kitab-kitab Tuan Hussain	188
	(i) Mengenal Allah	188
	(ii) Konsep Qadak dan Qadar	192
	(iii) Persoalan Mengenai Syariat	193
	(iv) Kehidupan Kerohanian	195
	(v) Persoalan Mengenai Ekonomi dan Sosial	196
E.	Struktur Kitab Karangan Tuan Hussain	201
	(i) Bahagian Pembukaan ( <u>doxology</u> )	201
	(ii) Bahagian Isi Kandungan	204

(iii) Bahagian Penutup ( <u>colophon</u> )	205
F. Penggunaan Berbagai Teknik Penyampaian	207
(i) Teknik Penyandaran Hujah	207
(ii) Teknik Angka-Pola	208
(iii) Teknik Dramatik	209
(iv) Teknik Perbandingan	210
(v) Teknik Naratif	211
(vi) Pembahagian Bab dan Fasal	212
(vii) Penggunaan Bahan-bahan Rujukan	213
G. Gaya Bahasa Karangan Tuan Hussain	214
(i) Gaya Bahasa Arab	215
(ii) Penggunaan Bahasa Daerah	216
Kesimpulan	220
NOTA BAB IV	222
BAB V	
KITAB-KITAB KARANGAN PAK WAN SULAIMAN	237
Pengenalan	237
A. Faktor-faktor Pak Wan Sulaiman Menjadi Pengarang	237
B. Kitab-kitab Karangan Pak Wan Sulaiman	245
C. Ciri-Ciri Kitab Karangan Pak Wan Sulaiman	273
D. Tema dan Persoalan Dalam Kitab-Kitab Karangan Pak Wan Sulaiman	278
(i) Persoalan Mengenai Akidah dan Amalan	278



(ii)	Keperluan Mengamalkan Tarikat	282
(iii)	Persoalan Mengenai Syirik, Bidaah dan Khurafat	286
(iv)	Persoalan Mengenai Syariat	288
(v)	Persoalan Mengenai Qadak dan Qadar	291
(vi)	Sejarah Hidup Nabi Muhammad s.a.w.	293
E.	Struktur Kitab-Kitab Pak Wan Sulaiman	294
(i)	Bahagian Pembukaan ( <u>Doxology</u> )	294
(ii)	Bahagian Isi Kandungan	296
(iii)	Bahagian Penutup ( <u>colophon</u> )	299
F.	Teknik Penyampaian	300
(i)	Teknik Penyandaran Hujah	300
(ii)	Teknik Perbandingan	302
(iii)	Teknik Peringatan ( <u>Tanbih</u> )	305
(iv)	Teknik Rayuan/Pujukan	306
(v)	Teknik Angka-Pola	307
G.	Bentuk Penyampaian	308
(i)	Bentuk Soal-Jawab	308
(ii)	Bentuk Puisi	309
H.	Gaya Bahasa Karangan Pak Wan Sulaiman	317
(i)	Penggunaan Bahasa Arab	321
(ii)	Penggunaan Bahasa Inggeris	321

	(iii) Penggunaan Dailek Kedah	322
	Kesimpulan	328
	NOTA BAB V	331
BAB VI	PERSAMAAN DAN PERBEDAAN DI ANTARA KITAB-KITAB TUAN HUSSAIN DAN PAK WAN SULAIMAN	349
	Pengenalan	349
	A. Dari Aspek Ekstrinsik	350
	(i) Tujuan Pengarang	351
	B. Dari Aspek Intrinsik	354
	(i) Tema dan Persoalan	354
	(a) Amalan Tarikat Naqshabandiah Mujadadiyah Ahmadiyah	364
	(b) Masalah Wang Dividen Syarikat Kerjasama (Koperasi)	378
	(c) Masalah Pungutan Zakat	381
	(ii) Dari segi struktur	384
	(C). Perbandingan Diantara dua Buah Kitab	388
	Kesimpulan	402
	NOTA BAB VI	406
BAB VII	PERANAN TUAN HUSSAIN DALAM MEMPERKEMBANGKAN PERSURATAN JAWI DI INSTITUSI PONDOK	408
	Pengenalan	408
	(i) Istilah Pondok	408
	(ii) Sejarah Pondok	411
	(iii) Taburan Pondok di Negeri Kedah	414

(iv) Sistem Pengajian Pondok	415
(v) Objektif Pengajian Pondok	418
(vi) Kewibawaan seorang Tok Guru Pondok	422
(vii) Organisasi Sebuah Pondok	427
A. Pondok Tuan Hussain	429
B. Kewibawaan Tuan Hussain Sebagai Tok Guru Pondok	436
C. Cara Tuan Hussain Memperkembangkan Persuratan Jawi Di Institusi Pondok	439
Kesimpulan	447
NOTA BAB VII	429
<b>BAB VIII PERANAN PAK WAN SULAIMAN DALAM MEMPERKEMBANGKAN KITAB JAWI DI INSTITUSI MADRASAH</b>	468
Pengenalan	468
A. Kaedah <u>Umumi</u>	471
B. Kaedah <u>Nizami</u> Melalui Institusi Madrasah	473
(i) Istilah Madrasah	473
(ii) Sejarah Institusi Madrasah	474
(iii) Madrasah al-Hamidiah Limbong Kapal	476
(iv) Sistem Pengajian Madrasah al-Hamidiah	478
C. Kaedah <u>Nizami</u> kepada Banduan di Penjara	483
D. Kitab Jawi Sebagai Kitab Panduan Dalam Amalan Tarikat Naqshabandiah Mujaddadiyah Ahmadiah	484
(i) Istilah Tarikat	485

(ii) Perkembangan Tarikat di Nusantara	488
(iii) Tarikat Naqshabandiah Mujadadiyah Ahmadiyah di Negeri Kedah	490
(iv) Tentangan Terhadap Ajaran Tarikat	493
(v) Tentangan Terhadap Ajaran Tarikat Pak Wan Sulaiman di Kedah	495
(vi) Kepentingan Kitab Jawi Dalam Amalan Tarikat Pak Wan Sulaiman Kedah	496
Kesimpulan	497
NOTA BAB VIII	500
PENUTUP	505
BIBLIOGRAFI	514
SENARAI TEMUBUAL DENGAN INFORMAN - INFORMAN	534

**SENARAI JADUAL**

		Halaman
Jadual 2.1	Penduduk Kedah 1911-1921	68
Jadual 2.2	Bilangan Penduduk Berbagai Kaum Di Dataran Kedah Pada Tahun 1911	69
Jadual 3.3	Carta Organisasi Sebuah Pondok	427

## SENARAI KEPENDEKAN

a.s.	=	'Alaihi-'s Salām
(ed.)	=	Editor
H.	=	Hijrah
<u>JMBRAS</u>	=	Journal of the Malayan Branch of Royal Asiatic Society
<u>JRAS</u>	=	Journal of the Royal Asiatic Society Straits Branch
<u>JSEAS</u>	=	Journal of the South East Asian Studies
M.	=	Masihi
<u>MBRAS</u>	=	Malayan Branch of the Royal Asiatic Society
r.a.	=	Rādiya'l-lāhu 'anhū
s.a.w.	=	Salla'l-lāhū 'Alaihi wa Sallām
SUK/K	=	Fail/Minit Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri
S.W.T.	=	(Allah) Subhanahu wa Ta'ālā
t.t.	=	Tanpa tarikh
terj.	=	Terjemahan
Vol.	=	Volume

**ABSTRAK**

**Alim Ulama di Negeri Kedah: Peranan Dua Orang  
Tokoh dalam Perkembangan Persuratan Jawi**

Sejak masuknya agama Islam ke Nusantara khususnya ke Semenanjung Malaysia, alim ulama telah memainkan peranan penting dalam menyampaikan dakwah Islamiah di kalangan masyarakat. Alim ulama menjalankan kegiatan mereka itu dengan berbagai-bagai cara, di antaranya melalui persuratan Jawi dan pendidikan pondok dan madrasah. Dari tradisi persuratan Jawi lahirlah kitab-kitab Jawi, dikarang oleh ulama pengarang Melayu sendiri, yang membicarakan berbagai-bagai aspek agama Islam termasuk ilmu fikah, tauhid, tasawuf dan sebagainya. Dari bidang pendidikan pondok dan madrasah lahir ramai alim ulama yang meneruskan usaha menyampaikan dakwah Islamiah di kalangan masyarakat.

Tesis ini adalah hasil daripada satu penyelidikan mengenai peranan dan sumbangan dua orang tokoh ulama negeri Kedah iaitu Tuan Hussain Kedah dan Pak Wan Sulaiman Kedah. Ulama-ufama ini telah mengarang lebih daripada 40 kitab dan risalah. Mereka juga terkenal sebagai pendidik di mana Tuan Hussain dikenali sebagai Tokoh Tok Guru Pondok dan Pak Wan Sulaiman terkenal sebagai Tokoh Madrasah. Skop kajian meliputi aspek-aspek intrinsik kitab-kitab Jawi karangan

ulama-ulama ini dan peranan mereka dalam memaju dan memper-  
kembangkan persuratan Jawi khususnya kitab Jawi dalam institusi  
pondok dan madrasah.

Kajian mengenai kitab Jawi ini menggunakan pendekatan  
ekstrinsik dan intrinsik. Dari aspek ekstrinsik, data yang ter-  
kumpul dianalisis untuk mengetahui latar belakang politik,  
ekonomi dan sosial masyarakat negeri kedah dari tahun 1850an  
hingga 1935M, dan riwayat hidup tokoh-tokoh ini yang hidup pada  
zaman tersebut. Dari aspek intrinsik pula dianalisis kandungan  
kitab-kitab Jawi karangan ulama-ulama ini dari segi tema dan  
teknik penyampaian. Analisis ini menggunakan pendekatan seperti  
yang dilakukan oleh sarjana-sarjana sastera dalam membicarakan  
karya dari genre kitab Jawi. Peranan Tuan Hussain dan Pak Wan  
Sulaiman dalam bidang pendidikan pondok dan madrasah telah  
dilihat secara historikal dan kontekstual. Daripada data yang  
terkumpul mengenai sistem pendidikan pondok dan madrasah itu dapat  
dianggarkan keberkesanan persuratan Jawi sebagai media dalam  
pengajaran dan pembelajaran di institusi-institusi tersebut.  
Secara tidak langsung mereka juga memainkan peranan dalam memper-  
kembangkan bahasa dan persuratan Melayu di kalangan masyarakat.

Kajian ini, antara lain mendapati bahawa dua orang  
tokoh ulama ini, Tuan Hussain dan Pak Wan Sulaiman, bukan



sahaja merupakan pengarang-pengarang kitab jawi yang terkenal di Kedah, tetapi boleh juga dibariskan dengan ulama-pengarang seperti Hamzah Fansuri, Syekh Shamsuddin al-Sumatrani, Syekh Nuruddin al-Raniri, Syed Abdul Rauf Singkel (Aceh), Syed Abdul Samad al-Falembani (Palembang), Syekh Muhammad Arshad al-Banjari (Banjar), Syekh Daud al-Fatani (Patani), Syekh Abdul Malik Tok Pulau Manis (Terengganu), Tuan Tabal (Kelantan), dan lain-lain. Dua orang ulama-pengarang Kedah ini bukan sahaja telah menghasilkan penulisan yang banyak, serta telah membicarakan mengenai ilmu-ilmu fikah, tauhid, tasawuf dan lain-lain dengan cara yang menarik, bahkan mereka telah menjadikan kitab Jawi sebagai teks di pondok-pondok dan madrasah-madrasah dan menjadi bahan bacaan awam. Kitab Jawi itu menjadi pengganti utama bagi kebanyakan kitab yang ditulis dalam bahasa Arab.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa usaha-usaha yang dilakukan oleh Tuan Hussain dan Pak Wan Sulaiman dalam bidang pendidikan pondok dan madrasah itu merupakan sumbangan besar kepada masyarakat. Daripada pondok dan madrasah itu telah lahir ramai ulama yang menerus dan menyibarluaskan usaha dakwah Islamiyah. Sesungguhnya dua orang tokoh ulama ini adalah kesinambungan bagi fenomena ilmu dan persuratan yang wujud di Aceh, Palembang, Banjar, Patani, Terengganu dan Kelantan itu.

ABSTRACT

Alim Ulama in Kedah: The Role of Two Outstanding  
Personalities in the Development of Jawi Literature

Ever since the coming of Islam to Nusantara and especially to the Malaysian Peninsula, the 'ulama have played an important role in conveying the message of Islam among the people. The 'ulama use various methods to accomplish their tasks, including the use of Jawi literature and education at the institutions of pondok and madrasah. In the tradition of Jawi literature, various kitabs (texts) written by the Malay ulama-cum-authors themselves have emerged to discuss various aspects of the Islamic faith including disciplines such as fiqh, tauhid, tasawuf and so forth. From the institutions of pondok and madrasah have come forth many ulama who have continued their effort of Islamic dakwah (proselytization) among the people.

This thesis is the result of research on the role and contributions of two outstanding ulama of Kedah, namely Tuan Hussain Kedah and Pak Wan Sulaiman Kedah. These ulama have written more than 40 kitabs and religious documents. They are also renowned as leading educationists, whereby Tuan Hussain is famous as the doyen of pondok education while Pak Wan Sulaiman is renowned as the doyen of madrasah. This study encompasses the intrinsic aspects of the Jawi kitabs

written by these two ulama and their roles in advancing and developing Jawi literature, especially the Jawi kitab form in the institutions of pondok and madrasah.

This study of the Jawi kitab adopts the intrinsic and extrinsic approaches. From the extrinsic aspect, the collected data is analysed in order to understand the political, economic and social background of Kedah society from the 1850's until 1935, and the life histories of the ulama personalities who lived at that time. From the intrinsic angle, the contents of the Jawi kitabs written by these two ulama are analysed from the thematic and presentational-techniques aspects. The analyses utilises those approaches which have been used by literary scholars in their study of works of the Jawi kitab genre. Tuan Hussain's and Pak Wan Sulaiman's roles in the fields of pondok and madrasah education respectively have been looked at historically and contextually. From the data collected on the pondok and madrasah, it has been possible to assess the effectiveness of Jawi literature as a teaching-and-learning medium in these institutions. Indirectly they also played their roles in developing Malay language and literature in society.

Among other things, this study finds that the two ulama, namely Tuan Hussain and Pak Wan Sulaiman, are not only famous as authors of the Jawi kitabs in Kedah, but

could also join the ranks of ulama-cum-authors such as Hamzah Fansuri, Syekh Shamsuddin al-Sumatrani, Syekh Abdul Samad al-Falembani (of Palembang), Syekh Muhammad Arshad al-Banjari (of Banjar), Syekh Daud al-Patani (of Patani), Syekh Abdul Malik Tok Pulau Manis (of Terengganu), Tuan Tabal (of Kelantan), and others. The two Kedah ulama-cum-authors not only produced many works and discussed such disciplines as fiqh, tauhid, tasawuf and so forth in an interesting way, but also made the Jawi kitab as the texts of the pondok and madrasah as well as reading materials for the public. The Jawi kitab became the main replacements for most of the texts which were then written in Arabic.

The findings of this study also show that the efforts of Tuan Hussain and Pak Wan Sulaiman in the fields of pondok and madrasah became a major contribution to society. From the pondok and madrasah arose many ulama who continued and widened the efforts of Islamic dakwah. Indeed these two leading ulama are part of the continuum relating to the phenomena of knowledge and letters which once prevailed in Aceh, Palembang, Banjar, Patani, Terengganu and Kelantan.

## SISTEM EJAAN/TRANSLITERASI

Sistem ejaan yang dipergunakan di dalam tesis ini berdasarkan sistem ejaan rumi baru bahasa Malaysia, yang diisytiharkan pemakaiannya secara resmi oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1972. Dan ejaan yang dipakai untuk membuat transkripsi perkataan Arab ke bahasa Malaysia digunakan sistem yang terdapat di dalam The Encyclopaedia of Islam, susunan H.A.R. Gibb, kecuali

ح = j,    ت = th,    ح = kh,    د = dh,  
 ذ dh,    ش = sh,    غ = gh,    ق = q,    ي = ai,

Susunan abjadnya dimulai dengan ا [alif] sebagai berikut:

ا	[ alif ]	=	a
ب	[ bā' ]	=	b
ت	[ tā' ]	=	t
ث	[ thā' ]	=	th
ج	[ jim ]	=	j
ح	[ hā' ]	=	h
خ	[ khā' ]	=	kh
د	[ dāl ]	=	d
ذ	[ dhāl ]	=	dh
ر	[ rā' ]	=	r

ز	[ zāi ]	=	z
س	[ sīn ]	=	s
ش	[ shīn ]	=	sh
ص	[ ṣād ]	=	ṣ
ذ	[ ḏād ]	=	ḏ
ط	[ ṭā ]	=	ṭ
ظ	[ ḏā ]	=	ḏ
ع	[ ʿain ]	=	ʿ
غ	[ ghāin ]	=	gh
ف	[ fā ]	=	f
ق	[ qāf ]	=	q
ك	[ kāf ]	=	k
ل	[ lām ]	=	l
م	[ mīm ]	=	m
ن	[ nūn ]	=	n
و	[ waw ]	=	w
ه	[ hā ]	=	h
ء	[ hamzah ]	=	ʾ
ي	[ yā ]	=	y

Vokal panjang:

Maksud vokal panjang ialah tanda \_\_\_\_\_

(di atas huruf hidup):

ي	=	ā
ي	=	ī
و	=	ū

Vokal pendek:

اَ	=	a
اِ	=	i
اُ	=	u

Diphthong:

اِي	=	ai
اَو	=	aw
يُ	=	iy
وُ	=	uw

Lain-lain ejaan

هـ	=	h tetapi kadang-kadang dengan t
ال	=	al-tetapi kadang-kadang dengan 'l-

Tanwin

ان	=	an
ان	=	in
ان	=	un

## PENDAHULUAN

### A. Matlamat Kajian

Kajian ini bertujuan membahaskan peranan alim ulama di negeri Kedah khasnya dua orang tokoh yang paling terkenal dalam bidang persuratan Jawi. Mereka ialah Tuan Hussain bin Muhammad Nasir al-Mas'udi al-Banjari atau lebih terkenal dengan gelaran Tuan Hussain Kedah (1280 H/1863 M - 1354 H/1935 M) dan Haji Wan Sulaiman Kedah (1291 H/1874 M - 1354 H/1935M).

Kajian ini diharap dapat menimbulkan minat di kalangan penyelidik-penyelidik untuk membuat kajian mengenai ulama silam lain yang masyhur dalam bidang-bidang lain pula seperti dalam bidang politik,<sup>1</sup> perubatan,<sup>2</sup> astronomi,<sup>3</sup> dan sebagainya. Kajian-kajian terkhusus seperti itu akan menyumbangkan terhadap khazanah yang lengkap dan menyeluruh mengenai kegiatan tokoh-tokoh ulama silam Kedah dalam berbagai bidang.

Sepanjang yang dapat dikesan hingga kini belum dapat ada usaha yang dilakukan bagi menyelidik dan mengkaji peranan dan sumbangan alim ulama Kedah yang telah ikut serta dalam



usaha memajukan persuratan Jawi. Oleh kerana itu ramai daripada generasi muda kini tidak sedar bahawa alim ulama Kedah juga tidak ketinggalan dalam usaha memperkembangkan persuratan Jawi khususnya di negeri Kedah. Ini kerana tokoh-tokoh ulama silam yang telah berjasa itu tidak diberikan perhatian dan penghargaan yang sewajarnya oleh generasi yang mewarisinya.. Misalnya nama-nama mereka tidak diabadikan di tempat-tempat yang bersesuaian, mungkin kerana mereka dianggap hanya tokoh-tokoh agama yang tidak penting sebagai agen perubahan. Sebenarnya merekalah orang yang bertanggungjawab meneruskan tradisi intelektual bangsa Melayu yang pada mulanya diasaskan oleh peradaban Islam.

Sikap mengabaikan sumbangan tokoh-tokoh ulama silam dan pemikiran mereka yang bersandarkan kepada ajaran Islam itu amat merugikan. Kerugian ini lebih terasa lagi memandangkan ramai daripada generasi muda di kalangan masyarakat Melayu hari ini yang tidak dapat memahami pemikiran ulama-ulama silam itu kerana sumber penulisan mereka semuanya dalam tulisan Jawi. Secara tidak sedar generasi muda mulai terputus daripada tradisi budaya Melayu yang sejajar dengan ketinggian tamadun Islam. Oleh kerana itu para pengkaji harus melakukan penyelidikan mengenai alim ulama silam itu dan membentangkan kepada pengetahuan masyarakat jasa dan bakti yang telah dicurahkan oleh mereka itu khususnya dalam bidang persuratan Jawi.

Kajian ini bertujuan untuk membahaskan peranan yang telah dimainkan dan sumbangan yang telah dicurahkan kepada masyarakat oleh dua orang tokoh di kalangan ulama tersebut iaitu Tuan Hussain dan Pak Wan Sulaiman. Mereka adalah dua orang tokoh ulama Kedah yang berusaha memaju dan memperkembangkan persuratan Jawi di Negeri Kedah.

## I Konsep Alim dan Ulama dari sudut Etimologi

Menurut Amran Kasimin (1970:36), dalam pengertian umum di kalangan orang Melayu hari ini perkataan alim difahami sebagai sifat berilmu dan pandai dalam hal ehwal agama Islam. Ulama difahami sebagai orang yang pakar dalam pengetahuan agama Islam. Rangkaian alim-ulama difahami sebagai pakar-pakar agama.

Daripada makna di atas seolah-olah ada perbezaan di antara orang yang dipanggil alim dan ulama, iaitu menurut banyak sedikit ilmu yang dimilikinya. Orang yang berilmu dan yang pandai dalam hal ehwal agama dinamakan alim, dan orang yang pakar dalam pengetahuan ilmu agama Islam dinamakan ulama.

Sebenarnya, perkataan alim dan ulama mempunyai hubunganyang rapat menurut ilmu al-sārf<sup>4</sup>. Kedua-duanya dari ism fā'il (kata nama). Bedanya perkataan alim itu adalah ism mufrād (tunggal) manakala ulama pula jamak bagi perkataan alim.

Menurut ilmu al-sārf, perkataan alim ialah 'ism fa'il daripada perkataan 'alimā, ya'lamū yang bermakna orang yang tahu; misalnya perkataan "hakim" bermakna orang yang tahu mengenai hukum. Dengan ini ternyata bahawa orang yang dikatakan alim atau orang yang tahu dalam sebarang ilmu bukan terbatas hanya kepada bidang agama sahaja.

Menurut Lane (1968: 2141), alim bermakna:

"An epithet applied to a man meaning the person who possesses the attribute of ilm ('alim, ya'lamū) or who is versed in science and literature."

Menurut Maryam Jameelah (1978: 114):

"Any Muslim who acquires the requisite knowledge in the Arabic language, the Qur'an, Hadith and Islamic jurisprudence can attain the rank of an 'alim."

Abu Bakar A. Bagader (1983: 17) pula berpendapat:

"...that the Prpphet used the word 'alim in the general sense of 'knowledge'. For several centuries after him, the word knowledge was used in its comprehensive sense and the word 'alim also was used in its literal sense of a learned man. A specialist in a strictly religious discipline was considered to be learned along with others, but he was also distinguished as an exegete (mufassir), a jurist (fāqih) or a

traditonalist (muhaddith). It is obvious that the authority of these experts in their special field was much greater than that of others who went into the religious field for performing certain functions as imams, judges (qadis) or preachers. It must, however, be noted that the basic education before specialization was the same for all and it included, according to the medieval classification, the basic religious as well as profane sciences.

Jadi, alim ulama itu bermaksud orang yang berilmu sama ada ilmu yang diistilahkan sebagai ilmu agama seperti ilmu fikah, hadis, tauhid, atau ilmu alat seperti ilmu tatabahasa Arab, ilmu balaghah, atau ilmu-ilmu lain seperti matematik, sains, geografi, perubatan, kejuruteraan, politik dan sebagainya.

Di Jawa, orang-orang yang mempunyai pengetahuan agama Islam di kalangan umat Islam disebut ulama. Di Jawa Barat, mereka disebut ajengan. Di Jawa Tengah dan di Jawa Timur, ulama yang memimpin pesantren disebut kyai. Namun pada zaman sekarang, banyak juga ulama yang cukup berpengaruh di dalam masyarakat juga mendapat gelaran kyai walaupun mereka tidak memimpin pesantren. Daripada kaitan yang kuat dengan tradisi pesantren, gelaran kyai biasanya dipakai untuk menunjuk para ulama dari kelompok Islam tradisional. (Zamaksyari Dhofier, 1983:55).

Pengertian ulama dari aspek etimologi ini mempunyai hubungan yang erat dengan pengertiannya mengikut perspektif Islam, kerana seseorang itu tidak akan diberi gelaran

sebagai ulama melainkan ia dapat menguasai satu-satu bidang ilmu pengetahuan. Misalnya Al-Imam al-Syafie' (W. 204H) digelar ulama kerana ketokohnya dalam ilmu fikah, Abu al-Hassan al-Ashaari (W. 323H) kerana ketokohnya dalam al-Kalam, al-Khalil ibn Ahmad (W.170/5H) kerana ketokohnya dalam ilmu bahasa Arab, al-Bukhari (W. 256H) kerana ketokohnya dalam ilmu hadis, Ibn Jarir al-Tabari (W. 310H) dalam ilmu tafsir, Ibnu Sina (W. 428H) dalam ilmu falsafah dan perubatan. Manakala al-Imam al-Ghazali pula (W.505H) dianggap ulama kerana ketokohnya di dalam ilmu tasawuf. (Ishak Rejab, 1981:1).

Sesungguhnya, perkataan ulama itu ada disebutkan di dalam al-Qur'an al-Karim yang berbunyi:

Innamā Yakhshā' Llāhā min 'ibādīhi 'l-ūlamā',  
(alFatir:28)

Yang bererti: "Hanya sa nya di antara hambaNya yang takut kepada Allah ialah Ulama."

Menurut al-Hasan al-Basri orang yang alim ialah orang yang takut (taqwa) kepada Allah serta menjauhi apa yang dimurkai oleh Allah<sup>5</sup>.

Menurut Safyian al-Thawri, ulama terbahagi kepada tiga golongan iaitu (i) Alim terhadap Allah dan suruhannya (ii) Alim terhadap Allah tetapi tidak alim tentang suruhanNya dan (iii) Alim mengenai suruhan Allah tetapi tidak alim terhadap Allah.<sup>6</sup>

Orang yang tergolong di dalam kategori pertama ialah orang yang takut kepada Allah serta had-had dan fardunya. Kategori yang kedua ialah orang yang takut kepada Allah tetapi tidak tahu had-had dan fardunya, manakala orang yang termasuk di dalam kategori yang ketiga ialah orang yang tahu had-had dan fardu tetapi tidak patuh kepada Allah.

Ibn Abbas menerangkan bahawa seseorang ulama ialah mereka yang membaca Kitab Allah dan mempelajari serta mengerjakan apa-apa yang terkandung di dalamnya, khususnya menyuruh manusia membuat kebajikan dan mencegah manusia daripada melakukan perbuatan mungkar, di samping mendirikan sembahyang dengan penuh khusyuk dan tawaduk, menunaikan zakat, sedekah sekadar termampu secara rahsia dan secara terang-terang kalau diperlukan oleh keadaan. Mereka juga ikhlas apa yang mereka lakukan tanpa mengharapkan sesuatu kecuali pahala daripada Allah. Mereka mengharapkan ganjaran yang tidak luput dan pahala yang berkekalan di samping mengharapkan keampunan terhadap kesalahan yang dilakukan.<sup>7</sup>

Ringkasnya gelaran alim atau ulama tidaklah merujuk kepada ilmu yang dimiliki oleh seseorang dalam bidang ilmu yang dipelajarinya dan kepakaran yang dimilikinya. Dengan kata lain, tidaklah wajar seseorang itu digelar alim atau ulama sekiranya ia ahli dalam ilmu al-Hadis atau

Usul-Fikah dan sebagainya sekiranya tidak ada pada dirinya sifat takwa kepada Allah warak dan zuhud dalam amalan hidupnya.

Jadi, nyatalah seorang pensyarah, ahli arkitektur, doktor, pakar ilmu jiwa atau pakar dalam bidang ilmu apa sekalipun yang berkaitan dengan Islam termasuk di dalam golongan orang alim atau ulama sekiranya ia mempunyai sifat takwa, sifat zuhud dan sifat warak. Untuk mendapatkan ketiga-tiga sifat yang tersebut seseorang itu hendaklah benar-benar memahami hukum Islam dan mengamalkannya pula dengan bersungguh-sungguh.

Apabila sifat ketakwaan atau sifat khāsyyatullāh kepada Allah itu mempengaruhi dan menguasai pemikiran seseorang, maka ia akan mengeksploitasi keilmuan dan kepakaran yang dimiliki itu untuk melahirkan kebenaran Allah dalam segenap geraklaku dan tindaktanduknya. Di samping dia akan berusaha dengan ikhlas dan dedikasi membenters segala perbuatan mungkar untuk menegak al-ma'ruf selaras dengan identiti dirinya sebagai ulama, sesuai dengan sebuah hadis yang bermaksud: "Ulama adalah para pewaris Nabi-Nabi." Tetapi apabila sifat khāsyyatullāh itu hilang atau tidak diamalkan oleh para ulama, maka ketika itu identitinya sebagai ulama pun turut juga hilang. Ulama seperti ini bolehlah dikategori sebagai ulama al-su' atau ulama

al-dunyai (keduniaan), iaitu ulama yang memperalatkan ilmunya untuk mendapat kemewahan hidup dan kedudukan di dunia ini tanpa memperhitungkan sama ada tindakannya itu selaras dengan nilai-nilai agama dan ilmu sebagai alat untuk membersihkan jiwa daripada sifat-sifat keji dan memupukkannya dengan sifat-sifat mulia lagi terpuji. (Ishak Rejab, 1981:3).

Menurut Hamka (1984:228) ulama-ulama yang hendak berpegang teguh sebagai "Pewaris Nabi-Nabi" sudah semestinya mempunyai tugas yang berat, kekuatan peribadi dan kejantanan sikap. Ini hanya akan didapati melalui beribadat kepada Allah, tagarrub (mendekatkan diri kepada Tuhan) dan membebaskan jiwa dari pengaruh benda. Dengan tidak melupakan tingkat dakwah yang tiga: (1) bilhikmatī (bijaksana) (2) wal mau 'izatīl hāsanāh (memberikan ajaran yang baik) dan wa jādilhūm billatī hia ahsanu (ajak mereka bertukar fikiran dengan cara yang baik).

Berpandukan pada pendapat di atas boleh dikatakan bahawa sifat alim ulama ialah berilmu, beramal dan mengajar. Imam al-Ghazali dalam kitabnya Ihya Ulumiddīn (1980:212) menggariskan tujuh tugas atau adab seseorang guru atau pengajar itu. Pertama, mempunyai rasa belas kasihan kepada murid-murid dan memperlakukan mereka sebagai anak-anak sendiri; kedua menjalankan tugas dengan ikhlas semata-mata kerana Allah; ketiga membimbing pelajar daripada mempelajari



ilmu-ilmu yang mudah kepada yang payah dan mendorong mereka agar mendekati diri dengan Allah; keempat guru melarang sesuatu kesilapan murid dengan lembut bukan dengan cara yang kasar yang membuatkan murid-murid benci kepadanya; kelima merangsangkan murid-murid mempelajari berbagai-bagai ilmu sebanyak-banyaknya; keenam guru mengajar pelajaran selaras dan secukupnya dengan kebolehan murid-murid; ketujuh, kepada pelajar-pelajar yang lemah hendaklah diberikan pelajaran yang jelas hanya yang layak baginya.

Menurut perspektif Islam, ulama mempunyai kedudukan yang mulia kerana agama Islam amat memberi perhatian dan penilaian yang tinggi kepada ilmu pengetahuan. Justeru itu Islam sentiasa memberi galakan kepada ulama supaya berusaha ke arah menyebarkan ilmu pengetahuan yang berguna dan berusaha membentuk peribadi muslim melalui pengajaran dan pembelajaran. Allah memberi tanggungjawab kepada yang berilmu (ulama) mengajarkan ilmunya dan mewajibkan yang tidak berilmu supaya mempelajarinya. Daripada al-Qur'an terdapat beberapa ayat mengenai perkara ini, antaranya firman Allah di dalam al-Qur'an yang bermaksud:

"Maka hendaklah pergi dari tiap-tiap golongan daripada mereka beberapa orang untuk memperdalamkan pengetahuan tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila kembali nanti supaya mereka itu dapat menjaga diri". (al-Taubah: 122)

Dan Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Menuntut ilmu itu wajib ke atas kaum Muslimin."

Dalam sejarah para Nabi (anbiya'), misalnya Nabi Nuh, Musa dan Isa, mereka ditugaskan oleh Allah S.W.T. untuk menyampaikan ajaran agama kepada kaum masing-masing sahaja. Manakala Nabi Muhammad s.a.w. sebagai Nabi yang terakhir telah ditugas menyampaikan agama Islam kepada seluruh manusia. Selepas wafat baginda, tugas tersebut dipertanggungjawabkan kepada para sahabat dan kemudiannya kepada para ulama. Oleh sebab tugas itu merupakan tugas warisan daripada para Rasul maka dikatakan "Ulama Pewaris Nabi-Nabi." Wajarlah ulama mendapat kedudukan yang tinggi dan mulia di dalam Islam selaras dengan tugas mereka itu.

Daripada kedudukan yang tinggi dan pandangan mulia oleh masyarakat terhadap ulama itu tidak bermakna ulama hidup dalam kemewahan. Menurut Maryam Jameelah (1978:273):

"Far from living in luxury and ease, throughout our history we find the ulama enduring with patience and steadfastness the most intolerable hardships and tortures. Who inflicted this persecution? Not the Christians. Not the Jews: Not the Hindus: None else but our own rulers bearing Muslim names who wanted no part of Islam: Why did Imam Abu Hanifa, Imam Shafei, Imam Malik and Imam Ibn Hanbal suffer the most severe persecution for their refusal to endorse the Muktazilite--hereby so fashionable among the ruling elite of that time: Why was Ibn Hanbal flogged in a manner too cruel even for elephants and breathe his last chained in a dungeon? For what crime was Allama Ibn

Taimiya repeatedly locked behind bars by the rulers of his day and die in prison? Why did Jahangir imprison Shaikh Sirhindi in the Gwalior Fort because he had refused to prostrate himself before the Emperor?"

Segala tekanan dan siksaan yang dikenakan adalah kerana ulama-ulama itu menjalankan tugas selaras dengan kehendak Islam. Mereka itu adalah ulama-ulama akhirat yang benar-benar menjalankan tugas.

Seperti yang telah dinyatakan ulama-ulama adalah pewaris para nabi. Justeru itu, tugas mereka ialah menyambung tugas yang telah dipertanggungjawabkan Allah ke atas Nabi-nabi, istimewa Nabi Muhammad s.a.w. Mereka perlu menyampaikan dakwah islamiah yang maha suci, yang ruang lingkup pengajarannya mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia, sama ada yang berkaitan dengan urusan peribadi dan hubungannya dengan sesama manusia atau dengan alam.

Seperti Nabi-Nabi, ulama diantara lain, bertanggungjawab menghuraikan pengertian 'akidah Islamiah dan hubungannya dengan 'ibadat, mu'amalat dan pembentukan peribadi muslim dan tradisi 'akaliah dan rohaniah yang bersih. Disamping itu ulama adalah bertanggungjawab menerangkan kepada orang awam sebab-sebab yang boleh merosak atau mencemarkan akidah mereka.

Para ulama berkewajiban menyerukan manusia mendampigi Allah dengan melakukan amal salih dan menjauhi perbuantan mungkar. Dengan perantaraan teladan ulama melakukan amalan salih dan menjauhi amalan mugkar itu akan terpancarlah dalam hati nurani orang Islam perasaan dan keinginan untuk menghambakan diri kepada Allah.

Ulama juga tidak boleh mencuaikan peranman mereka sebagai pemberi nasihat dan pandangan yang membina kepada pemimpin-pemimpin kerajaan. Mereka seharusnya tidak gentar walaupun tugas itu mereka mendapat siksaan. Misalnya, Maulana Maudoodi telah dengan beraninya megecam kerajaan Pakistan melalui tulisannya yang bertajuk "The Qaudani Problem." Akibatnya pada 28 Mac 1953 beliau ditangkap dan dipenjarakan tanpa perbicaraan. Beliau dihukum gantung sampai mati. Tetapi beliau sedikit pun tidak takut. (Maryam Jameelah, 1978:273). Menurut keterangan M. Anwar Ali, iaitu seorang pegawai C.I.D yang pergi menemuinya secara menyamar, bahawa:

"Maulana Maudoodi was perfectly normal, as if nothing extra-ordinary was going to happen. He had been locked up in the small, narrow cell of the condemned prisoners, wearing a pyjama wiht out a string and the shirt, specially prepared dress for the condemned sitting on a straw mat with an earthern pot beside him containing water. When the Jailor Presented before Maudoodi the papers applying for mercy, Maudoodi came out with clear "NO!" He did not even take that much time to give the reply which is usually taken when someone asks a guest whether he would like to have tea or coffee:

Mian Anwar Ali had related this story as one those experiences of his life which he could never forget." (Maryam Jameelah, 1978:113).

Adalah perlu dinyatakan keselamatan dan kesejahteraan umat pada lahirnya akan lebih terjamin andainya golongan ulama-dan golongan pemerintah saling berkerjasama dan bantu-membantu antara satu sama lain. Rasulullah s.a.w. bersabda, yang bermaksud,

"Dua golongan dari umatku, andainya mereka berada dalam keadaan baik nescayaseluruh manusia akan menjadi baik, tetapi apabila mereka rosak maka (implikasinya) manusia akan turut rosak. Mereka ialah umara' (Pemerintah) dan Fuqaha (Ulama)".

## II Kedudukan Persuratan Jawi Dalam Kesusasteraan Melayu

Sepanjang yang dikesan, sejak masuknya Islam ke Nusantara,<sup>8</sup>terdapat ramai alim ulama yang telah memberikan sumbangan dalam memajukan dan memperkembangkan agama Islam. Alim ulama itu menjalankan kegiatan dakwah di merata-rata tempat, dengan menjadikan surau sebagai pengkalan utama dimana mereka menjalankan dakwah Islamiah mereka. Di situlah para ulama itu menyampaikan pengajaran agama kepada orang ramai melalui kaedah mengaji kitab. Kaedah mengaji kitab ini dimulai oleh Rasullillah s.a.w. pada masa baginda menyampaikan dakwah Islamiah pertama kali di rumah Al-Arqam ibn Abi al-Arqam, Makkah, pada tahun 610M (Zawawi, 1984:41).

Kaedah ini memerlukan semua pelajar duduk berkumpul dalam bentuk halqah (bulatan bundar) mengadap seorang yang bertindak sebagai guru. Kadang-kadang guru mengajar menggunakan kitab tetapi biasanya guru mengajar tanpa kitab. Begitu juga ada murid-murid yang mengikuti pengajaran guru sambil menyemak kitab dan ada yang hanya mendengar sahaja tanpa kitab. Daripada kegiatan mengaji kitab di surau-surau itulah tulisan Jawi diperkenalkan di alam Melayu/Nusantara (Fatimi, 1963:104-105).

Tradisi mengaji kitab di surau-surau itu akhirnya berkembang menjadi tradisi pendidikan Persantren di Jawa, dayah di Aceh dan Surau di Minangkabau (Langgulung, 1979:22). Kawasan Semenanjung Malaysia dan Patani pula terkenal dengan tradisi pengajian pondok.

Pada peringkat permulaan kedatangan agama Islam (atau zaman peralihan Hindu-Islam atau zaman pra-Islam), para ulama yang menjalankan kegiatan mengajar di surau-surau itu menggunakan kitab-kitab agama yang dibawa masuk dari Timur Tengah (Fatimi, 1963:104). Kitab kesusasteraan yang mula-mula diketahui orang ialah Kitab Risalah.<sup>9</sup> Kitab itu pertamanya berisi kalimah syahadat; kedua berisi perkara mengenai rukun-sembahyang; ketiga tentang peraturan puasa; keempat naik haji ke Makkah. Selain daripada rukun Islam yang lima ada pula Kitab Risalah yang membicarakan

rukun iman yang enam perkara. Selain daripada itu ada Kitab Risalah yang membicarakan perkara yang wajib diketahui oleh orang-orang Islam berhubung dengan upacara agama dan lain-lain. Ringkasnya, Kitab Risalah ialah kitab agama Islam yang pertama yang dimiliki oleh penganut-penganut Islam di Indonesia (Zuber Usman, 1966: 12). Kitab Risalah itu membicarakan hukum-hukum agama yang terkandung dalam ilmu fikah, tauhid dan tafsir. Di samping kitab-kitab atau risalah-risalah agama itu terdapat juga kitab-kitab berbentuk hikayat.<sup>10</sup> Selain itu, terdapat juga cerita-cerita daripada kitab suci agama Hindu yang amat popular seperti Ramayana dan Mahabharata yang telah diubahsuai dengan dimasukkan pengaruh dan unsur-unsur Islam di dalamnya hingga kandungannya menjadi bercampur aduk di antara pengaruh Hindu dan Islam (Liaw Yock Fang, 1975: 102).

Selain daripada kitab-kitab agama dan hikayat-hikayat yang tersebut di atas, terdapat sejenis 'cerita khayalan' yang dicipta di Nusantara dalam bahasa Melayu yang kemudiannya disalin ke dalam bahasa-bahasa lain. Menurut sejarah, cerita-cerita itu memang benar berlaku di Nusantara. Di antara cerita-cerita khayalan itu yang popular ialah Hikayat Raja Khandak dan Hikayat Raja Lahat (Liaw Yock Fang, 1975: 167-169).

Adalah dipercayai usaha-usaha menyadur dan menterjemah kitab-kitab agama dari Timur Tengah untuk dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di pusat-pusat mengaji kitab, usaha-usaha "mengislamkan" kitab-kitab suci agama Hindu dan menggubah semula kisah-kisah sejarah menjadi cerita-cerita khayalan itu dilakukan oleh ulama-pengarang kerana mereka sahajalah orang yang mempunyai kebolehan mengarang dan memahami ajaran Islam. Ulama-pengarang itu menjadikan karya-karya kesusasteraan Melayu sebagai media untuk menyampaikan pengajaran Islam kepada pembacanya.

Menurut Ismail Hamid (1983:2) hasil sesuatu kesusasteraan itu merupakan sebagai karya-karya yang bercorak kreatif yang dilahirkan melalui daya ciptaan pengarang, maka nilai karya itu tertakluk kepada kewibawaan seorang sasterawan itu. Penulis Melayu yang menyadur atau menterjemah karya-karya kesusasteraan dari sumber peradaban Islam merupakan golongan yang terpelajar melalui tradisi keislaman. Mungkin kerana kecenderungan mereka dalam bidang kesusasteraan maka keahlian mereka dalam bidang ilmu-ilmu Islam tidak dapat dicapai kepada suatu tingkat yang lebih tinggi. Walaupun penulis-penulis ini mempunyai keghairahan yang kuat untuk menerapkan pengajaran Islam melalui media kesusasteraan namun kerana kekurangan keahlian mereka dalam bidang ilmu-ilmu Islam maka idea-idea keislaman yang diketengahkan ke



dalam tulisan mereka atau karya-karya saduran itu ada yang tersusul dari intisari pengajaran Islam yang sebenarnya.

Pada peringkat awal ulama-pengarang itu tidak mencatatkan nama mereka pada kitab karangan mereka kerana mereka menulis dengan niat untuk beribadat kepada Allah (Ismail Hamid, 1983:22). Tetapi dalam abad ke-16 dan ke-17 iaitu zaman kegemilangan kerajaan Islam Aceh telah muncul ulama-pengarang Aceh yang masyhur seperti Hamzah Fansuri, Syekh Shamsuddin al-Sumatrani, Abdul Raof Singkel dan Syekh Nuruddin al-Raniri yang telah mengarang kitab-kitab agama dengan mencatatkan nama pengarangnya. Kitab-kitab itu merupakan perintis ke arah mewujudkan satu tradisi penulisan sastera kitab yang dikenali sebagai kitab Jawi.

### III Kitab Jawi

Menurut Virginia Matheson (1988:1) kitab Jawi ialah karya-karya yang bertulis dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi mengenai prinsip-prinsip agama Islam. Kitab dalam pengertian orang-orang Melayu bermakna buku-buku agama manakala "Jawi" bermakna orang-orang Jawa yang termasuk juga orang-orang Melayu kerana orang-orang Arab pada zaman dahulu menganggap Nusantara sebagai pulau Jawa sebab itu tulisan Melayu yang menggunakan huruf-huruf Arab di panggil "Tulisan Jawi". (Mohd. Nor Ngah, 1983:viii).

Sejak kitab Jawi diperkenalkan di kalangan masyarakat di Alam Melayu ini, ia digunakan sebagai bahan pengajian agama Islam. Kitab Jawi amat berfaedah kepada mereka yang tidak mengetahui bahasa Arab kerana kebanyakan kitab-kitab agama dalam bahasa Arab. Kitab Jawi amat popular digunakan di institusi-institusi pengajian Islam sebab itu semua pondok di Malaysia dan Patani, Persantren di Jawa dan Dayah di Aceh menggunakan kitab Jawi sebagai bahan pengajian dan pembelajarannya.

Kitab-kitab Jawi pada mulanya ditulis tangan oleh pengarangnya. Mereka menggunakan tulisan Jawi klasik yang ejaannya banyak berbeza daripada tulisan Jawi pada masa ini. Di Muzium Aceh<sup>11</sup> dan di Pusat Dokumentari Aceh serta di Perpustakaan Kuno, Zawiyah Tanoh Abe, Aceh<sup>12</sup>, masih terdapat kitab Jawi karya ulama-pengarang Aceh seperti Hamzah Fansuri, Syamsuddin al-Sumatrani, Syekh Nuruddin al-Raniri, Abdul Rauf Singkel dan lain-lain. Kebanyakan kitab Jawi itu ditulis dengan dakwat hitam dan merah. Dakwat hitam digunakan untuk mencatat ayat-ayat al-Qur'an dan Hadis, ditulis dalam baris-baris lurus manakala dakwat merah adalah tulisan yang menerangkan makna ayat-ayat al-Qur'an dan Hadis-hadis tersebut. Ia diletakkan secara menyerong dengan tulisan dari atas turun ke bawah.<sup>12</sup>

Kitab Jawi yang pertama yang dapat dikesan dalam bentuk cetak ialah kitab Bad 'Khālq al-Samāwat wa al-Ard

(Asal Kejadian Syurga dan Bumi) karangan Syekh Nuruddin al-Raniri bertarikh 1047H/1639M (Mohd. Nor Ngah, 1983:2).

Kebanyakan kitab Jawi dicetak dan diterbitkan di Singapura, Pulau Pinang, Surabaya, Makkah, Cairo, Istanbul, Patani dan Jeddah. Umumnya, kitab Jawi tidak ada copyright atau hakcipta sebab itu kebanyakan kitab-kitab yang masyhur diulang cetak beberapa kali tanpa tarikh dan izin daripada waris pengarangnya (Virginia Matheson, 1968:49).

Biasanya, sebuah kitab Jawi dicantum dengan beberapa buah kitab yang lain. Misalnya kitab Miftāh al-Jannāh karangan Haji Muhammad Taib bin Mas'od al-Banjari dicantum dengan kitab Usul-Tahqīq (tanpa nama pengarang) dan kitab Man'idat al-Nās (tanpa nama pengarang) dan kitab Tajwīd al-Qur'ān (tanpa nama pengarang). Kitab Sabil al-Muhtadīn karangan Syekh Muhammad Arshad al-Banjari dicantum dengan kitab Sirāt al-Mustaqīm karangan Syekh Nuruddin al-Raniri. Kitab Sirāt al-Mustaqīm itu dimuatkan pada bahagian tepi kitab Sabil al-Muhtadīn.

Kebanyakan kitab Jawi mempunyai helaian yang boleh diceraikan (loose file). Sebab itu setiap halamannya boleh dikeluarkan dengan mudah. Dalam pengajian pondok menurut kaedah "tadahan", para pelajar hanya menggunakan lembaran yang berkenaan sahaja tanpa membawa sebuah kitab seluruhnya.

Kitab Jawi juga dikenali sebagai "Kitab Kuning" kerana kertasnya berwarna kuning.

Pengarang-pengarang kitab Jawi terdiri daripada alim ulama Asia Tenggara. Nama negeri atau tempat kelahiran mereka diletakkan di hujung nama mereka, misalnya al-Fatahi (Patani), al-Falembani (Palembang), al-Funtiani (Pontianak), al-Fansuri (Fansur) al-Kedahi (Kedah), al-Kelantani (Kelantan), al-Minangkabawi (Minangkabau) dan lain-lain.

Pengarang-pengarang kitab Jawi menghasilkan karya mereka secara menyadur atau menterjemah daripada kitab-kitab Arab ke bahasa Melayu dengan dimasukkan juga unsur-unsur dan nilai-nilai tempatan. Bagaimanapun kebanyakan daripada kitab-kitab Jawi itu adalah karya asli ulama-pengarang itu. Mereka merujuk kitab-kitab Arab karangan ulama besar Islam seperti Imam al-Ghazali, Imam Nawawi dan lain-lain. Ulama-pengarang kitab Jawi menyampai dan membahaskan sesuatu masalah agama berdasarkan doktrin Mazhab Shafie. Ruanglingkup perbahasan mereka tercakup dalam berbagai bidang ilmu seperti ilmu fikah, usulluddin (tauhid), tafsir al-Qur'an dan hadis, tasawuf, sejarah Islam, akhlak dan lain-lain.

Kitab Jawi karangan ulama-pengarang itu biasanya dalam bentuk prosa tetapi terdapat juga karya-karya dalam bentuk puisi seperti Ruba'i Hamzah Fansuri oleh Hamzah Fansuri.

Selain itu ada juga dalam kedua-dua bentuk prosa dan puisi. Gaya bahasa kitab Jawi amat dipengaruhi oleh gaya bahasa Arab bahkan banyak perkataan Arab terdapat di dalamnya. Gaya bahasa seperti ini dikenali sebagai "Gaya bahasa Melayu kitab"<sup>14</sup>.

Setakat yang dapat dikesan, kitab Jawi yang pertama digunakan ialah kitab Umm al-Bārāhīn karangan al-Sanusi (895H/1490M) diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh Muhammad Zain bin Jalal al-Din bin Muhammad Baduri al-Sanbawi menterjemahkan kitab itu juga tetapi dengan tajuk Siraj al-Hudā dalam tahun 1886M. Dalam tahun 1890M, Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani menterjemahkannya di bawah tajuk Aqidat al-Najīn. Di dalam abad kel6M dan kel7M Masehi kitab Umm al-Bārāhīn dijadikan bahan pengajaran di Melaka dan di Pulau Penyegat, Riau. (Mohd. Nor Ngah, 1983:2).

Di antara kitab-kitab Jawi itu terdapat karya-karya yang amat masyhur. Kitab-kitab itu dipelajari dan dijadikan bahan rujukan hingga masa ini. Antaranya ialah kitab Sabil al-Muhtadīn (Syekh Muhammad Arshad al-Banjari), Sirr al-Sālikīn dan Bidāyat al-Hidāyah (Abdul Samad al-Falembani) Furū' al-Masā'il (Syekh Daud al-Patani), Kitab Sifat Duapuluh (Uthman bin Abdullah bin Yahaya Batawi) dan Kāsyf al-Ghaybīyah karangan Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani. (Mohd. Nor Ngah, 1983:5-6).

Di antara tokoh-tokoh ulama-pegarang kitab Jawi yang masyhur ialah Hamzah Fansuri, Shamsudin al-Sumatrani, Syekh Nuruddin al-Raniri dan Abdul Rauf Singkel (Aceh), Syekh Abdul Samad al-Falimbani (Palembang), Syekh Muhamad Arshad al-Banjari dan Syekh Muhamad Nafis al-Banjari (Banjar), Syekh Daud bin Abdullah al-Fatani, Syekh Ahmad bin Muhamad Zain bin Mustafa al-Fataqi, Syekh Zainul Abidin bin Muhamad al-Fatani (Patani), Syekh Ismail al-Khalidi (Minangkabau) dan ulama pengarang Kelantan seperti Syekh Wan Ali bin Wan Abdul Rahman al-Kelantani dan Syekh Abdul Samad bin Muhammad Salleh al-Kelantani (dikenali sebagai Tuan Tabal) (H.M. Shughair, 1983:v-viii). Di Negeri Kedah pengarang kitab Jawi yang masyhur ialah Tuan Hussain dan Pak Wan Sulaiman.

Sejak zaman Hamzah Fansuri (akhir abad ke 16M dan awal abad ke 17M) hingga tahun 1935M tidak ramai ulama yang dapat dianggap sebagai ulama-pengarang kitab Jawi. Terdapat kira-kira 30 orang sahaja pengarang kitab Jawi yang terkenal (lihat lampiran A). Ini menunjukkan daripada begitu ramai alim ulama di Alam Melayu dalam masa kira-kira tiga abad cuma sebilangan kecil sahaja yang mempunyai kebolehan mengarang kitab. Jadi, ulama-pengarang merupakan satu golongan terkecil dan istimewa dalam barisan para ulama yang besar. Keistimewaan ulama-pengarang adalah kerana mereka mempunyai pengetahuan agama Islam yang luas dan dapat menyampaikan ilmu-ilmu agama itu kepada orang ramai, bukan sahaja secara lisan tetapi juga melalui penulisan yang tersibar luas.

#### IV Ciri-ciri Sastera yang Terdapat Dalam Kitab Jawi

##### (a) Tema dan Persoalan

Zuber Usman (1966:12) mengatakan bahawa kitab-kitab yang khusus membicarakan tentang agama Islam seperti kitab fikah dan kitab tafsir atau kitab-kitab lain yang berhubung dengan budi pekerti dan lain-lain itu biasanya oleh orang pandai-pandai tidak dimasukkan ke dalam kitab kesusasteraan. Tetapi Syed Muhammad Naguib al-Attas (1984:46-57) dengan tegas memajukan usul supaya Hamzah Fansuri yang mengarang kitab-kitab yang membicarakan agama Islam khususnya ilmu tasawuf itu sebagai "Bapa Kesusasteraan Melayu Moden". Beliau berpendapat Hamzah Fansuri yang menulis pada abad ke-16M itu merupakan orang yang pertama menggunakan bahasa Melayu dengan secara rasional dan sistematis untuk membicarakan ilmu falsafah Islam.

Daripada hujah di atas nyatalah bahawa sesebuah karya yang membicarakan perkara-perkara mengenai agama Islam juga dapat dilihat sebagai karya kesusasteraan kerana mengandungi ciri-ciri kesusasteraan dalam penyampaiannya. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam karya-karya kitab agama yang membicarakan ilmu tasawuf, tafsir, tauhid, akhlak, fikah, sejarah Nabi dan lain-lain. Walaupun kitab-kitab fikah khusus membicarakan mengenai hukum atau peraturan ibadat dalam Islam namun kitab fikah juga tidak kecuali